

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 ( RABU )**

**SOALAN :**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri pada tahun 2012. Memandangkan Kanun Keseksaan sudah mencukupi untuk menggantikan akta hasutan, selain dari akta keharmonian yang dicadangkan oleh kerajaan.

**JAWAPAN:      PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [ atau *Akta 15* ] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.

2. Objektif Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional, termasuklah penghinaan terhadap institusi diraja atau raja.

3. Bagi tujuan ini, Kerajaan kini sedang mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, tarikh sebenar pemansuhan Akta Hasutan 1948 masih belum dapat diputuskan pada masa ini memandangkan perkara tersebut masih sedang dalam kajian dan memerlukan penelitian daripada pelbagai aspek. Penelitian dan kajian

yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5. Berkenaan dengan isu sama ada Kanun Keseksaan adalah mencukupi untuk menggantikan Akta Hasutan, Kanun Keseksaan merupakan suatu kanun khas yang menyenaraikan jenis-jenis tindakan yang akan menjadi suatu kesalahan jenayah dan juga hukuman yang akan dikenakan sekiranya seseorang didapati melakukan tindakan-tindakan yang berkenaan. Namun demikian, Kanun Keseksaan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi dan komprehensif bagi kesalahan hasutan seperti yang terkandung dalam Akta Hasutan 1948.

6. Oleh itu, Kanun Keseksaan sedia ada adalah tidak memadai untuk dijadikan pengganti kepada Akta Hasutan 1948 tanpa suatu akta baru yang digubal khas untuk tujuan sedemikian seperti Akta Keharmonian Nasional yang masih dalam peringkat kajian, rundingan dan penggubalan.

Sekian, terima kasih.